

# Pak Lah teruskan perancangan MTEN

19 OCT 2004

SANTUBONG 18 Okt. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan komitmen, peranan dan segala perancangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sebaik beliau mengambil alih pucuk pimpinan negara bulan depan.

Persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat Exco MTEN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di ibu negara baru-baru ini.

Mesyuarat dua minggu sekali itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri.

Pengarah Eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed memberitahu, pada mesyuarat itu, Dr. Mahathir menekankan tiada perubahan berkaitan peranan dan fungsi MTEN sebaliknya komitmen sedia ada akan diteruskan di bawah pimpinan Abdullah selaku Perdana Menteri.

Abdullah akan mengambil alih tugas Perdana Menteri sebaik peletakan jawatan Dr. Mahathir 31 Oktober ini.

Mustapa berkata, Timbalan Perdana Menteri telah memberi jaminan untuk menerus-

kan peranan penting MTEN sebagai input kepada penggubal dasar negara dalam menghadapi cabaran globalisasi.

“Perdana Menteri telah tekankan betapa pentingnya peranan MTEN manakala Abdullah telah berikan komitmen untuk meneruskan usaha MTEN,” katanya.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita selepas majlis Forum Ekonomi Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) Sarawak Bersama MTEN di Santubong Resort di sini hari ini.

Lebih 300 pelajar IPT sekitar Sarawak menghadiri forum dua hari yang berakhir hari ini.

Mustapa berkata, antara tumpuan MTEN adalah bagi mengenal pasti sumber-sumber pertumbuhan ekonomi baru menerusi kerjasama Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Kementerian Kewangan serta agensi lain.

“Kita akan fikirkan bagi memantapkan ekonomi negara dan tumpuan kerja kita untuk beberapa bulan akan datang,” jelasnya.

Dalam perkembangan yang sama katanya, kerajaan akan menyediakan peluang perni-

agaan untuk para graduan lepasan universiti tempatan dan luar negara.

Katanya, setiap tahun, kira-kira 50,000 graduan yang tamat pengajian sama ada dari universiti tempatan atau luar negara.

“Mereka ini perlu diberi peluang perniagaan untuk menjadi usahawan di peringkat global sama ada di sektor swasta atau kerajaan, kita mahu didik mereka agar berdikari di samping mempunyai keterampilan diri,” tambahnya.

Mengenai forum pelajar IPT dengan MTEN Mustapa menjelaskan, program bagi peringkat Sarawak kali ini merupakan kali keempat dan akan diteruskan ke negeri lain sebagai maklumat tentang kedudukan ekonomi negara serta langkah-langkah pemulihannya oleh kerajaan.

Menurutnya, pihaknya juga bercadang mengadakan forum serupa di peringkat kebangsaan yang bakal menghimpunkan sejumlah wakil penuntut IPT yang dijangka diadakan Disember nanti di ibu negara.